

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

YKT 207/4 - Sejarah dan Undang-Undang Media

Masa: [3 jam]

Jawab **Soalan 1** dan **DUA** (2) soalan lain

1. Berikan takrifan konsep berikut dengan disertakan contoh tempatan:

- [a] ideologi
- [b] pengkalan (base)
- [c] Alat-alat Ideologi Negara
- [d] pemilikan dan kawalan

(40 markah)

2. Memandangkan susulapis masyarakat Malaysia yang sedia ada, teori media yang manakah yang boleh membantu anda sebaik mungkin dalam memahami kedudukan media tempatan? Beri justifikasi dan contoh-contoh tempatan.

(30 markah)

3. Selepas Peristiwa 13 Mei 1969, pemerintah telah mengeluarkan garispanduan dalam usahanya untuk membentuk satu 'identiti kebangsaan' dan memajukan perpaduan negara melalui, di antara lain, saluran pengiklanan (Michael Anderson 1984). Sejauh manakah tindakan ini mencapai kejayaan? Beri cadangan untuk mengatasi masalah yang timbul?

(30 markah)

...2/-

(YKT 207)

4. Penubuhan Bernama adalah salah satu reaksi pemerintah Malaysia terhadap apa yang dianggapkan sebagai pengaliran maklumat yang tidak seimbang antara negara maju dan Dunia Ketiga. Bincang kenyataan ini dengan mengambilkira perkembangan Bernama dari mulanya ia ditubuhkan hingga ke hari ini.

(30 markah)

5. Apakah yang boleh diperkatakan tentang media tempatan ekoran daripada episod penting seperti Pilihanraya Umum 1990 dan Krisis Perlembagaan 1993? Perbincangan anda hendaklah dikaitkan dengan konsep hegemoni.

(30 markah)

-oooOooo-